

24 SEP 2002

MAYBANK-PINJAMAN/I

MAYBANK SASAR PERTUMBUHAN PINJAMAN SEBANYAK 6-7 PERATUS BAGI 2003

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Malayan Banking Bhd (Maybank) mengunjurkan pertumbuhan pinjaman sebanyak enam hingga tujuh peratus bagi tahun kewangannya yang berakhir 30 Jun 2003 berbanding dengan penurunan lima peratus pada tahun kewangan yang baru berakhir.

Sebahagian besar pinjaman berkenaan dijangka datangnya daripada pinjaman pengguna serta industri kecil dan sederhana (IKS), manakala permintaan yang berkurangan diramal daripada sektor korporat bagi perbelanjaan modal.

Meskipun sasaran itu, bank akan berhati-hati untuk sebarang perkembangan dalaman disebabkan oleh turun naik faktor luaran sekarang termasuk ancaman peperangan, kata naib presiden eksekutifnya Hooi Lai Hoong pada sidang media yang diadakan bersempena Minggu Pelabur yang sedang berlangsung di sini hari ini.

Ekonomi Malaysia masih terdedah kepada perkembangan ekonomi luar memandangkan sebahagian aktiviti ialah bagi perdagangan dengan Amerika Syarikat menjadi pasaran utama, katanya.

Itulah sebabnya terdapat perubahan tumpuan ke arah penjanaan pertumbuhan domestik tetapi ia akan mengambil masa untuk melihat kesannya, kata Hooi.

Mengenai pinjaman tidak berbayar (NPL) bank, beliau berkata bank menjangka akan terus menyaksikan penambahbaikan setelah banyak peminjamnya kembali dengan cadangan baru untuk membayar balik pinjaman mereka.

Sehingga pada Jun 2002, NPLnya ialah pada 6.87 peratus, jauh lebih baik daripada 7.8 peratus pada Disember 2001.

Semasa ditanya mengenai kemungkinan kenaikan dalam nisbah rizab berkanun (SRR) akan menjejaskan Maybank, Hooi berkata sekiranya kerajaan membenarkan pusingan ekonomi sepenuhnya yang bermakna peningkatan dalam SRR dan juga membenarkan kenaikan dalam Kadar Asas Pinjaman (BLR), kesannya akan minimum.

Beliau berkata setiap kenaikan satu peratus dalam SRR bermakna pengurangan sebanyak RM15 juta dalam pendapatan faedah bank setahun mengikut analisis yang dilakukan oleh Maybank.

Pusingan sepenuhnya bermakna setiap satu peratus peningkatan dalam SRR akan menyaksikan kenaikan lima mata asas dalam BLR dan Maybank akan memperoleh lebih kurang RM18 hingga RM20 juta setahun dalam pendapatan faedah.

Buat masa, SRR sentiasa lebih rendah daripada empat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2003 berkata kerajaan mungkin menimbangankan menaikkan SRR memandangkan pertumbuhan pinjaman yang lembap.

Kebimbangan tentang kenaikan SRR ini telah menyebabkan indeks kewangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) jatuh sebanyak 234 mata sejak dua hari lalu.

"Kenaikan dalam BLR akan mengimbangi kenaikan dalam SRR tetapi terdapat banyak mudah tunai di pasaran... saya tidak rasa SRR akan meningkat," kata Hooi lagi. -- BERNAMA

SM SD NHD